

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN
[BUKIT KATIL]**

TARIKH : RABU, 10 JUN 2015

SOALAN:

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan apakah langkah segera yang akan diambil oleh Kerajaan untuk memudahkan prosiding tuntutan harta pusaka yang mengambil masa yang panjang serta menelan kos yang tinggi dan menyebabkan banyak harta lambat untuk dituntut oleh pewaris.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Terdapat 3 agensi yang terlibat di dalam pengurusan harta pusaka mengikut bidang kuasa masing-masing iaitu Mahkamah Tinggi melalui Akta Probet dan Pentadbiran 1959, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) melalui Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 dan Amanah Raya Berhad melalui Akta Perbadanan Amanah Raya Berhad 1995.

Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar melalui JKPTG sentiasa menambah nilai perkhidmatan yang diberikan kepada rakyat dalam pengurusan pembahagian harta pusaka kecil melalui perlaksanaan MS ISO 9001:2008 dalam penyeragaman proses kerja seluruh negara. Selain penetapan sasaran KPI MKRA YB. Menteri Sumber Asli dalam penyelesaian permohonan pembahagian harta pusaka kecil dalam tempoh 4 bulan setengah, pihak jabatan juga aktif dalam usaha promosi bagi mewujudkan kesedaran di kalangan orang awam agar bersegera membuat tuntutan harta pusaka sebaik berlaku kematian ke atas pemilik harta. Selain itu, kos yang dikenakan bagi permohonan pembahagian harta pusaka kecil melalui JKPTG adalah sangat rendah (0.2% daripada

keseluruhan nilaiann harta pusaka simati) dan boleh dibuat tanpa menggunakan khidmat guaman.

Sekian,terima kasih.